


Apa itu DIFTERIA?

Penyakit yang disebabkan oleh Bakteri *Corynebacterium Diphtheriae*, yang menjangkiti tekak dan menghasilkan toksin yang menyebabkan keradangan di sekitar tekak. Ia boleh menyebabkan kesukaran bernafas sehingga menyebabkan kematian.

Bagaimana ia MEREBAK?

Melalui cecair pernafasan pesakit yang tersebar melalui bersin atau batuk. Bakteri ini boleh juga hinggap di permukaan objek bukan hidup, dan boleh menjangkiti manusia yang menyentuhnya.

Sebelum wujudnya rawatan untuk penyakit ini, kadar kematian adalah tinggi; iaitu separuh dari pesakit yang menghidap boleh mengalami maut. Kadar kematian kemudian berkurangan dengan kewujudan vaksin.



Apakah TANDA-TANDA penyakit ini?

Apabila bakteria ini hinggap di liang pernafasan manusia, ia akan membebaskan toksin yang akan memusnahkan tisu-tisu di dalam dan sekitar tekak.

Toksin ini akan menyebabkan gejala seperti :

- sakit tekak, hingga sukar untuk menelan
- demam panas
- batuk
- bengkak di bahagian leher
- keletihan



Dalam masa 2 – 3 hari, kawasan di sekitar tekak yang dipenuhi tisu-tisu serangan toksin akan membentuk lapisan pseudomembrane yang berwarna kelabu. Lama kelamaan, lapisan ini akan membesar dan menyaluti seluruh bahagian pernafasan, sehingga boleh menyebabkan kesukaran bernafas, dan kematian.

Selain itu, toksin ini juga boleh memasuki aliran darah dan menyerang jantung, buah pinggang dan sistem saraf.

Bolehkan ia DIRAWAT?

Ya. Penyakit ini boleh dirawat dengan antibiotik.

Tetapi pesakit perlu dikuarantin pada peringkat awal semasa jangkitan masih aktif. Selepas 48jam dirawat dengan antibiotik, jangkitan biasanya tidak lagi aktif, dan pesakit boleh meneruskan rawatan antibiotik di rumah.

Bolehkah ia DICEGAH?

Ya. Melalui program vaksinasi yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, iaitu suntikan DTaP (Diphtheria, Tetanus, Pertussis) atau DT (Diphtheria & Tetanus).

Suntikan ini diberikan kepada bayi sewaktu umur 2, 3 dan 5 bulan. Dos tambahan juga boleh diambil pada umur 18 bulan atau 7 tahun, mengikut nasihat doktor.

Jadual Baru :

IMUNISASI	Umur (Bulan)											(Tahun)		
	0	1	2	3	5	6	9	12	18	21		7	13	15
BCG	Dos 1													
Hepatitis B	Dos 1	Dos 2				Dos 3								
DTaP			Dos 1	Dos 2	Dos 3				Booster					
Hib			Dos 1	Dos 2	Dos 3				Booster					
Polio (IPV)			Dos 1	Dos 2	Dos 3				Booster					
Measles						Sabah sahaja								
MMR							Dos 1	Dos 2						
MR											Booster			
DT											Booster			
OPV														
HPV												Perempuan sahaja		
Tetanus														Booster
JE (Sarawak)							Dos 1			Dos 2				

Jadual baru Imunisasi MMR digunakan bermula tahun 2016



Ditertibkan oleh :
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
www.infoshaz.gov.my | www.myhealth.gov.my


**** Justeru, diharap agar ibubapa dapat memastikan anak-anak di bawah umur 7 tahun telah mendapat imunisasi 5-serangkai yang lengkap. Ia bagi memberi perlindungan optima dan mengelakkan anak dari mendapat jangkitan. Semoga langkah pro-aktif semua pihak akan dapat meningkatkan imuniti anak serta imuniti kelompok, seterusnya membendung kejadian difteria dari terus menjadi masalah kesihatan awam**

ENGLISH VERSION : DIPHTHERIA FACT SHEET


What can I do to protect my child from diphtheria?

- ✓ Vaccinate your child on time.
- ✓ Talk with your child's doctor if you have questions.
- ✓ Keep a record of your child's vaccinations - to make sure your child is up-to-date.

The diphtheria bacterium can enter the body through the nose and mouth. However, it can also enter through a break in the skin. It is transmitted from person to person by respiratory secretions or droplets in the air. After being exposed to the bacterium, it usually takes 2 to 4 days for symptoms to develop.



Diphtheria is an acute bacterial disease that can infect the body in two areas: the throat (respiratory diphtheria) and the skin (skin or cutaneous diphtheria).




Diphtheria Clinical Features

Incubation period 2-5 days (range, 1-10 days)

May involve any mucous membrane

Classified based on site of infection:

- * anterior nasal
- * pharyngeal and tonsillar
- * laryngeal
- * cutaneous
- * ocular
- * genital



Symptoms

Respiratory diphtheria

- breathing difficulty
- husky voice
- enlarged lymph glands
- increased heart rate
- stridor (a shrill breathing sound heard on inspiration)
- nasal drainage
- swelling of the palate (roof of the mouth)
- sore throat
- low-grade fever
- malaise

Skin (cutaneous) diphtheria With this type of diphtheria, the symptoms are usually milder and may include yellow spots or sores (similar to impetigo) on the skin.



Relevant link : <https://kpkesehatan.com/2016/07/17/kenyataan-akhbar-kpk-17-julai-2016-status-terkini-kes-difteria-di-malaysia/>